

## KPDNHEP rekod 31 kes dan rampasan mencecah RM34,078 sepanjang tempoh PKP

2020-04-28T16:01:52+08:00

oleh Jeremy Lanson



Sekitar operasi yang dijalankan KPDNHEP

**KUCHING:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak merekodkan 31 kes dengan nilai rampasan mencecah RM34,078 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu dari 18 Mac sehingga hari ini.

Jurucakapnya berkata kes-kes tersebut melibatkan kesalahan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan kes di bawah Akta Timbang Sukar 1972z

Mehurutnya, sebanyak RM13,350 kompaun dikenakan kepada peniaga yang disabitkan kesalahan sepanjang tempoh tersebut.

"Dalam tempoh PKP dilaksanakan, KPDNHEP menerima 288 aduan dan kita tidak akan berkompromi dengan mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan dalam tempoh pelaksanaan PKP ini dan akan menyiasat semua aduan pengguna."



"Peniaga dinasihatkan jangan mengaut keuntungan yang tidak munasabah dan jika ada laporan peniaga yang mencatut atau ingkar, maka tindakan tegas akan diambil," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tambahnya, semalam sahaja enam kes dicatatkan di seluruh negeri melibatkan kesalahan tanda harga dan penjualan barang kawalan.

"Dua kes dihasilkan di Kuching iaitu dua buah kedai runcit kerana mereka gagal mempamerkan tanda harga barang dan mereka telah dikompaun RM1,000 serta merta.

"Manakala di Sibu, sebuah premis perniagaan dikompaun RM5,000 kerana menjual gula pasir paket melebihi harga kawalan yang diwartakan kerajaan," tegasnya.

Tiga lagi kes dilaporkan di Limbang, Miri dan Mukah juga atas kesalahan gagal mempamerkan tanda harga barang dan masing-masing dikompuan RM1,000.

KPDNHEP Sarawak sejak 1 Januari sehingga hari ini berjaya memeriksa 15,593 premis perniagaan di seluruh negeri dan berjaya merekodkan 405 kes.

Difahamkan daripada 405 kes tersebut, KPDNHEP turut melakukan rampasan barang mencecah RM2,442,198.88 dan mengeluarkan kompaun sebanyak RM83,650.

Orang ramai yang ingin membuat aduan kepada KPDNHEP boleh menghubungi hotline 1-800-886-800 atau Portel e-aduan KPDNHEP di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau WhatsApp 019-2794317.

"Aduan juga boleh dibuat terus ke mana-mana pejabat kementerian dan untuk makluman sepanjang tempoh PKP ini, bilik gerakan Enforcement Command Centre (ECC) KPDNHEP Sarawak dibuka dari jam 8 pagi hingga 5.30 petang setiap hari," katanya lagi.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/04/28/kpdnhep-rekod-31-kes-dan-rampasan-mencecah-rm34078-sepanjang-tempoh-pkp>

